

**Titah Ucapan  
D.Y.M.M Yang Di-Pertuan Besar  
Negeri Sembilan Darul Khusus  
Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir**

**Sempena Hari Keputeraan Ke-72  
D.Y.M.M Yang Di-Pertuan Besar  
Negeri Sembilan Darul Khusus**

**Selasa, 14 Januari 2020  
10.15 pagi**

**Istana Besar Seri Menanti**

**Bismillahir Rahmanir Rahim**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera**

1. Sesungguhnya segala pujian, sanjungan dan kesyukuran dirafak ke hadrat Allah S.W.T. Selawat dan salam ke atas junjungan besar, Nabi Muhammad S.A.W. semulia-mulia kejadian, juga ke atas kaum keluarga dan para sahabat Baginda. Alhamdulillah, syukur kehadiran Allah S.W.T, kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya jua, Beta dan Tunku Ampuan Besar dapat berangkat hadir ke Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat bersempena ulang tahun Hari Keputeraan Beta bagi tahun 2020. Semoga akan disempurnakan dengan baik dan lancar.

### **Penghargaan Sembah Ucapan**

2. Beta amat bersyukur dan berkenan menzahirkan penghargaan kepada Menteri Besar mewakili pihak Kerajaan serta rakyat Negeri Sembilan seluruhnya atas perutusan sembah ucapan selamat dan tahniah bersempena hari Keputeraan Beta.

3. Sesungguhnya Beta dan Tunku Ampuan Besar amat menghargai keikhlasan sembah ucapan selamat, titipan doa dan ingatan semua rakyat sekalian kepada Beta berdua serta ahli keluarga. Keikhlasan sebagai tanda ingatan dan kasih sayang sebegini merupakan lambang hubungan erat institusi beraja dan rakyat yang telah terjalin sejak sekian lama.

### **Kepimpinan Kerajaan & Jentera Pentadbiran**

4. Beta dan Tunku Ampuan Besar juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat menyambut tahun baharu tahun 2020.

Semoga dengan kedatangan tahun 2020, negeri ini terus diberkati dan dilimpahi Allah S.W.T dengan kemakmuran, kesejahteraan serta kestabilan yang berterusan.

5. Seiring dengan langkah mendepani cabaran tahun baharu ini, kepimpinan Kerajaan dan jentera pentadbiran Negeri Sembilan haruslah lebih berwibawa dalam melaksanakan amanah yang telah dipertanggungjawabkan. Beta amat berharap, dalam apa jua situasi, suasana dan keadaan, kepimpinan Kerajaan Negeri ini sentiasa tekad mempergiat komitmen dan khidmat bakti ke arah tadbir urus yang lebih mantap serta berkesan.

6. Teruskanlah dengan momentum kejayaan terbaik dan perbaikilah kesilapan yang pernah berlaku sebelum ini. Ini secara tidak langsung dapat memastikan rakyat negeri ini berpeluang menikmati manfaat hasil kesempurnaan rencana pembangunan dan pemajuan sekaligus membuka ruang kepada mereka untuk menjalani kehidupan seharian dalam keadaan yang lebih makmur dan sejahtera.

7. Beta juga berasa amat sukacita melihat perkembangan dan pengukuhan sistem pentadbiran di peringkat kerajaan tempatan Negeri Sembilan. Umum mengetahui pada 2019, Beta telah menyempurnakan pengisytiharan Majlis Perbandaran Jempol. Kini, melangkah ke tahun 2020, satu lagi pencapaian yang membanggakan ialah penggabungan Majlis Perbandaran Nilai dan Majlis Perbandaran Seremban kepada Majlis Bandaraya Seremban. Pengiktirafan ini jelas mencerminkan kemajuan dan kematangan pentadbiran serta pengurusan dengan julung kalinya Pihak Berkuasa Tempatan bertaraf Bandaraya diwujudkan di

Negeri Sembilan. Beta amat berharap, sebagai sebuah Pihak Berkuasa Tempatan berstatus Bandaraya, pentadbiran Majlis Bandaraya Seremban bersedia menggalas tanggungjawab yang lebih besar dengan sentiasa memastikan kualiti kemudahan infrastruktur dan perkhidmatan setara dengan pengiktirafan yang diperolehi. Pihak Berkuasa Tempatan yang lain pula, boleh meneladani, mengatur strategi dan memperlengkapkan organisasi supaya perkhidmatan yang diberi kepada masyarakat setempat akan lebih efektif dan efisien.

### **Senario Ekonomi & Pembangunan Negeri Sembilan**

8. Seperti yang kita ketahui negara kita sebagai sebuah ekonomi bersaiz sederhana dan mengamalkan sistem pasaran terbuka sentiasa menghadapi pelbagai cabaran. Walaupun ketidakpastian persekitaran luaran dan perkembangan ekonomi di peringkat global bertumbuh dengan perlahan, namun prospek ekonomi Malaysia masih kekal kukuh dan berdaya tahan.

9. Di peringkat negeri, Kerajaan Beta telah menyebarkan maklumat bahawa perkembangan prestasi ekonomi yang ditunjukkan melalui pertumbuhan KDNK tahun 2018 telah mencatatkan pertumbuhan yang sederhana berbanding tahun sebelumnya. Struktur ekonomi Negeri Sembilan masih kekal bertumpu kepada tiga (3) sektor dengan dominasi utama sektor perkhidmatan serta sektor pembuatan dan sektor pertanian. Beta amat yakin, dengan usaha-usaha strategik dan langkah penyesuaian yang tepat, Negeri Sembilan mampu mengharungi cabaran ekonomi semasa dan merangsang pertumbuhan sektor-sektor ekonomi utama.

10. Tahniah kepada Kerajaan Beta kerana telah berjaya melepasi sasaran kutipan hasil RM430 juta yang telah ditetapkan pada awal tahun dengan merekodkan jumlah kutipan hasil sebanyak RM556 juta pada tahun 2019. Inisiatif yang diperkenalkan pada tahun 2019 juga telah dilaksanakan dengan jayanya. Beta percaya pencapaian ini merupakan hasil dedikasi dan kecekapan semua jabatan serta agensi di negeri ini. Usaha berterusan Kerajaan Beta demi kesejahteraan rakyat jelas diterjemahkan dalam Anggaran Belanjawan Negeri Sembilan Tahun 2020 dengan tema “Melestari Ekonomi, Mensejahtera Rakyat”.

11. Sehubungan itu, Beta menyeru agar pemimpin negeri, agensi Kerajaan, swasta, NGO dan rakyat bersama-sama menggembeng usaha, fikiran dan tenaga agar prestasi ekonomi dan pembangunan negeri akan bertambah baik untuk kemakmuran semua. Beta mahu melihat Negeri Sembilan ke hadapan dengan merangkul segala kesempatan yang terbuka, melalui teknologi dan inovasi baharu, mengambil kira perspektif serantau dan global ke arah mencorakkan masa hadapan negeri yang lebih gemilang.

### **Semangat Cintakan Negara & Keharmonian Masyarakat**

12. Sebagaimana semua pihak sedia maklum, rakyat negara ini terdiri daripada pelbagai kaum, agama dan budaya. Beta menggesa seluruh rakyat berasa megah sebagai **satu bangsa Malaysia yang sentiasa mencari titik kebersamaan** bagi mewujudkan perpaduan dan keharmonian yang berkekalan. Hasilnya kita akan terus dapat menikmati kurniaan Allah S.W.T. iaitu keamanan dan kesejahteraan. Kita perlu terus memastikan negara ini bebas daripada gejala yang boleh mengganggu-gugat kedamaian dan keamanan serta bebas daripada kekacauan dan huru-hara. Hakikatnya, kedaulatan negara yang kita kecapi pada hari ini

bukanlah datangnya secara bergolek. Penghargaan sewajarnya diberikan kepada semua para pejuang serta pasukan keselamatan negara yang telah banyak menumpahkan keringat, air mata dan darah, demi kedaulatan dan keamanan negara ini.

13. Lantaran itu, rakyat kini mampu berfikir secara matang dan rasional dalam mengambil iktibar daripada peristiwa peperangan bersenjata, pertumpahan darah, pergolakkan, konflik yang berlarutan dan kekacauan yang berlaku di beberapa negara lain di dunia yang seperti tiada kesudahannya. Berhati-hatilah dalam apa yang kita perjuangkan. Jangan terlalu taksud berjuang sehingga lupa nilai-nilai murni masyarakat dan sensitiviti kaum-kaum lain. Beta menyeru kepada semua rakyat, agar semangat kebersamaan diperkuatkan supaya keamanan, keharmonian serta kesejahteraan rakyat terus terpelihara.

14. Salah satu kaedah utama untuk mengekalkan perpaduan dan keharmonian masyarakat ialah dengan memberi **pendedahan awal kepada generasi muda untuk bercampur dan bergaul di kalangan sahabat pelbagai bangsa**. Banyak jenis aktiviti dan program boleh dibuat untuk generasi muda pelbagai kaum bekerjasama dan berkomunikasi seperti melalui aktiviti sukan, aktiviti ko-kurikulum dan lain-lain lagi. Beta yakin pendedahan awal seperti ini secara tidak langsung mampu menggalakkan generasi muda untuk hidup bersatu-padu, menyantuni semua pihak yang berlainan bangsa dan menyuburkan semangat setia kawan.

15. Di samping itu, **masyarakat kita hari ini juga perlu memberi lebih penekanan untuk mengetahui dan memahami amalan serta budaya**

**antara satu kaum dengan kaum yang lain.** Rakyat Malaysia sewajarnya turut serta memeriahkan sebarang sambutan perayaan atau hari kebesaran antara kaum dengan cara yang sesuai. Selain itu, amalan tolong-menolong tanpa mengira latar belakang bangsa dan agama turut penting diamalkan kerana ia akan mengukuhkan lagi ikatan persahabatan sesama rakyat. Melalui cara ini masyarakat akan lebih mengenali dan seterusnya mengeratkan perpaduan serta mengukuhkan lagi persefahaman antara kaum, agama dan budaya di kalangan rakyat negeri ini.

### **Ucapan Tahniah Kepada Penerima Pingat**

16. Beta menzahirkan ucapan tahniah kepada semua penerima dalam Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat sempena Hari Keputeraan Beta ini. Kurniaan ini adalah sebagai tanda penghargaan atas khidmat, jasa dan bakti yang telah diberikan kepada Beta, Kerajaan Beta dan Negeri Sembilan khususnya serta Malaysia secara amnya.

17. Beta juga ingin mengingatkan para penerima bahawa kurniaan ini bukanlah satu hiasan atau pembawa gelaran semata-mata tetapi lebih kepada pengiktirafan yang perlu dihargai kerana sangat berkait rapat dengan martabat dan kehormatan Institusi Diraja Negeri Sembilan. Justeru, semua penerima mempunyai amanah untuk menjaga kemuliaan dan pengiktirafan yang dikurniakan ini dengan memastikan imej, tata susila, tingkah laku dan keperibadian masing-masing sentiasa terpelihara.

## **Ucapan Terima Kasih**

18. Beta mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Menteri Besar dan pihak Kerajaan, warga Perkhidmatan Awam, Pasukan-Pasukan Keselamatan di atas sumbangan dalam menyempurnakan amanah untuk pembangunan, pemajuan, kesejahteraan dan keamanan di negeri ini. Begitu juga penghargaan Beta kepada mereka yang berkhidmat di sektor swasta, Badan-Badan Bukan Kerajaan atau NGO serta seluruh lapisan rakyat dan penduduk atas sumbangan, sokongan dan kesungguhan dalam bersama-sama menjayakan agenda pembangunan negeri ini. Beta juga amat menghargai sumbangan yang telah diberikan oleh semua para petugas dan sukarelawan yang telah bersama-sama membuat persiapan untuk menyambut Hari Keputeraan Beta kali ini.

19. Mengakhiri titah, marilah sama-sama kita memanjatkan doa ke hadrat Allah S.W.T. semoga kita semua serta Negeri Sembilan Darul Khusus yang tercinta ini terus maju dan makmur serta rakyatnya mendapat taufik dan hidayah, sejahtera, bersatu padu dan sentiasa hidup aman sentosa di bawah lindungan-Nya. Amin.

Sekian.

**Wabilahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.**